

## **Notis Perlindungan Data Peribadi untuk *Sunago Education***

Sunago Education (Sunago) menitikberatkan perlindungan data peribadi anda. Dasar privasi ini disediakan untuk menjelaskan cara kami mengumpul, memproses, mengurus dan melindungi data peribadi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010. Data peribadi tersebut termasuk, tetapi tidak terhad kepada maklumat berkenaan dengan nama; umur; nombor kad pengenalan; nombor pasport; alamat; e-mel; jantina; tarikh lahir; status perkahwinan; pekerjaan; jumlah pendapatan; maklumat perubatan; maklumat perhubungan seperti telefon, telefon bimbit dan nombor faksimili; bangsa, warganegara; gambar-gambar atau imej-imej dan lain-lain yang mungkin tertakluk kepada perlindungan data yang berkenaan dan undang-undang lain yang seumpamanya.

Senarai data peribadi yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh dan mungkin termasuk data peribadi lain bergantung kepada jenis urus niaga atau transaksi.

### **A. PENGUMPULAN DATA PERIBADI ANDA**

Maklumat peribadi yang diperoleh semasa anda (i) mengisi borang permohonan syarikat, (ii) membuat pembelian melalui platform dalam talian kami, (iii) mengambil bahagian dalam pertandingan atau acara-acara syarikat, (iv) mengunjungi pejabat atau laman web syarikat, (v) membalas bahan-bahan pemasaran atau promosi, atau (vi) menghantar pertanyaan atau maklum balas tentang produk atau perkhidmatan syarikat. Maklumat peribadi anda diperlukan, tetapi tidak terhad kepada tujuan yang berikut:

- a. untuk memberikan produk atau perkhidmatan yang relevan kepada anda;
- b. untuk pemasaran produk dan perkhidmatan selepas jualan;
- c. untuk menghantar bahan promosi dan/atau bahan pengiklanan kepada anda;
- d. untuk menjalankan analisis statistik bagi penyelidikan dan pembangunan produk;
- e. untuk tujuan pentadbiran, termasuk urusan bil, pembayaran dan pemungutan hutang;
- f. untuk membuat pendedahan yang relevan namun mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang digunapakai.

### **B. PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA**

#### **Entiti dalam Sunago dan syarikat-syarikat bersekutunya**

Maklumat peribadi anda yang diberikan kepada kami diproses oleh entiti (dalam atau di luar Malaysia) dalam Sunago dan Syarikat Bersekutu (termasuk syarikat-syarikat berkaitan, anak syarikat, syarikat induk, syarikat bersekutu dan rakan kongsi penyumberan luar). Sunago akan memastikan:

- (i) akses kepada maklumat peribadi anda adalah terhad kepada kakitangan yang diperlukan untuk memproses maklumat peribadi anda selaras dengan keperluan pekerjaan masing-masing; dan
- (ii) hanya maklumat yang diperlukan yang dikeluarkan kepada pekerja

berkaitan.

### **Kelas-kelas pihak ketiga**

Maklumat peribadi anda boleh didedahkan atau dipindahkan kepada pihak ketiga yang berkaitan (dalam atau di luar Malaysia) sebagaimana yang dikehendaki di bawah undang-undang, menurut hubungan kontrak yang berkaitan (contohnya, kami melantik pembekal perkhidmatan pihak ketiga) atau bagi maksud yang dinyatakan dalam Seksyen A di atas (atau secara langsung berkaitan dengan maksud itu).

Sekiranya jualan berpotensi, perniagaan dirancang atau sebenar, pelupusan, pengambilalihan, percantuman atau penyusunan semula ("Transaksi") berlaku, maklumat peribadi anda mungkin diperlukan untuk didedahkan atau dipindahkan kepada pihak ketiga akibat Transaksi. Anda dengan ini mengakui bahawa pendedahan dan pemindahan itu boleh berlaku dan membenarkan Sunago untuk mendedahkan maklumat peribadi anda kepada pihak yang lain, serta penasihat / wakilnya.

### **C. KESELAMATAN MAKLUMAT PERIBADI**

Kami akan memastikan maklumat peribadi anda yang disimpan oleh kumpulan Sunago dan/atau anak-anak syarikatnya dilindungi daripada sebarang kehilangan/kerugian, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan tanpa kebenaran atau tidak sengaja, perubahan, atau kemusnahan.

### **D. HAK UNTUK MENGAKSES DATA PERIBADI ANDA**

Anda mempunyai hak untuk mengakses, membetulkan, atau menukarkan data peribadi anda yang ada pada Sunago dengan menulis kepada kami di alamat emel: [info@sunagoeducation.com](mailto:info@sunagoeducation.com)

Setelah disahkan identiti, anda boleh:

- a. memohon untuk mendapatkan maklumat tentang data peribadi anda,
- b. memohon untuk membetulkan atau mengemaskinikan data peribadi anda,
- c. menghadkan atau menghentikan pemprosesan data peribadi anda,

tertakluk pada batasan undang-undang yang digunakan, syarat-syarat kontraktual, dan tempoh masa yang munasabah. Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami, anda bersetuju dengan cara kami memproses data peribadi anda seperti yang dinyatakan di atas.

### **E. PEMINDAAN DASAR**

Kami berhak untuk meminda dan mengemaskinikan dasar ini dari semasa ke semasa. Dasar yang dipinda akan dimuat naik ke laman web kami.

### **F. KONFLIK**

Jika berlaku percanggahan antara polisi dalam bahasa Inggeris dengan polisi dalam bahasa Malaysia, maka terma dalam bahasa Inggeris akan diterima pakai.

